



## Wanita Perpatih dan keusahawanan di Negeri Sembilan: Suatu tinjauan geografi sejarah

Midawati<sup>1</sup>, Amriah Buang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence: Midawati (email: midawati.unand@gmail.com)

### Abstrak

Kedudukan wanita dalam Adat Perpatih adalah sangat penting kerana melalui mereka zuriat nasab ibu diturunkan. Wanita berperanan sebagai pewaris harta pusaka seperti tanah dan rumah. Hal ini menjadi asas kepada kemandirian ekonomi dan kemunculan keusahawanan mereka. Kajian ini merupakan tinjauan geografi sejarah keusahawanan wanita Adat Perpatih di Negeri Sembilan yang menggunakan sumber-sumber maklumat dan literatur sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa sejak kedatangan peniaga Minangkabau dari Paya Kumbuh, Sumatera Barat pada abad 11 hingga 12 keusahawanan wanita Adat Perpatih di Rembau telah dapat berkembang sehingga ke abad 19. Kemudian telah berlaku penurunan ekoran daripada polisi tanah dan pertanian penjajahan Inggeris dan terhakisnya pengaruh budaya asal Minangkabau yang kesemuanya mengakibatkan berkurangnya peranan wanita Adat Perpatih Rembau dalam pertanian dan keusahawanan. Kini, wanita Adat Perpatih Rembau yang tinggal di kampung bergantung kepada kiriman dan pemberian wang daripada keluarga mereka yang merantau di bandar. Tanah-tanah pusaka mereka telah menjadi tanah terbiar dan kebun getah mereka telah menjadi hutan.

**Katakunci:** budaya Adat Perpatih, dasar tanah penjajah, kawasan budaya, kedudukan wanita, keusahawanan, tanah terbiar

## *Perpatih* women and entrepreneurship in Negeri Sembilan: A historical geography overview

### Abstract


Women's position in the Perpatih was fundamental to the reproduction and functioning of the *Perpatih* as a matrilineal system. Women were heirs to the customary estates of land and houses. This formed the very basis of the women's economic survival from which arose their flair for entrepreneurship. This study is a historical geography overview of entrepreneurship of the Perpatih women in Negeri Sembilan using secondary literature sources. The results showed that with the coming of Minangkabau traders from the *Perpatih* core culture area of Paya Kumbuh, West Sumatra in the 11<sup>th</sup>-12<sup>th</sup> centuries *Perpatih* women's entrepreneurship was able to thrive until the 19th century. Since then it had steadily declined following adverse British colonial land and agriculture policies and subsequent neglect of the original *Minangkabau* culture which both ultimately diminished the women's role in agriculture and entrepreneurship. Today, the *Perpatih* women living in the villages of Negeri Sembilan had to depend on remittances from their urban migrant relatives for their economic survival. Their customary lands had become idle and their rubber holdings reverted to jungles.

**Keywords:** culture area, colonial land policy, entrepreneurship, idle land, position of women, *Perpatih* custom

## Pendahuluan

Dalam sistem masyarakat nasab ibu Minangkabau kedudukan wanita dalam ekonomi terjamin kerana harta pusaka seperti tanah dan sawah diwariskan kepada wanita. Bukan saja wanita kedudukan wanita kuat dalam ekonomi pertanian, pula dalam perniagaan (Blackwood, 1998; Heryanto, 2011; Tarmidi, 1997: A4-7; Elfindri, 2010) dan usahawan dalam industri kecil (Syarif, 2004) serta sebagai petani, perniagaan dan intelektual (Renen, 2006). Keusahawanan ialah orang yang dapat mengenalpasti peluang (Peterson, 1985) dan orang-orang yang membina jaringan dalam pemasaran atau membina strategi untuk pelbagai keperluan juga disebut sebagai 'usahawan' (Garfield, 1986). Istilah usahawan telah digunakan dalam menentukan pelbagai aktiviti seperti penciptaan (*creation*), pengasas (*founding*), menyesuaikan diri (*adapting*) dan menguruskan (*managing*) serta usaha (Cunningham, 1991:51).

Kemampuan keusahawanan wanita Minangkabau di kawasan asal kurang terlihat dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan terutama dalam ekonomi (Stiven, 1996), bahkan kaum lelaki juga berkurang (Peletz, 1999). Pendatang dari Minangkabau telah datang melalui perniagaan dan kemudian meneroka tanah-tanah di Negeri Sembilan khususnya di daerah Rembau dan kemudiannya meliputi Kuala Pilah, Jempol dan bahagian-bahagian lain Negeri Sembilan (Rajah 1). Mereka membuat sawah padi dan bertanam lada, untuk keperluan kehidupan dan menjalankan perniagaan pada taraf negara dan luar negara (Norhalim, 1999; Andaya, 2010). Oleh itu asas kepada kemampuan dalam bidang pertanian dan perniagaan telah diturunkan, namun kemudian berlaku sebaliknya.



**Rajah 1.** Migrasi peniaga Minangkabau ke Negeri Sembilan

Perkara ini disebabkan kebijakan pemerintahan Inggeris membuat pembatasan dan mencatatkan ke pemilikan tanah adat dan membagikan tanah-tanah lainnya kepada pemilikan lelaki untuk perkebunan getah, sehingga tenaga lelaki berkurang untuk membantu wanita di sawah (Nadzan Haron, 1997). Pemodenan pula ikut mempengaruhi penglibatan wanita di pertanian. Pendidikan dan peluang kerja di bandar terutama di kilang-kilang dan kerja pemerintah membuat kerja pertanian semakin tidak menarik (A Samad Hadi, 1982; Azizah Kasim, 1988) sehingga semakin banyak tanah yang terbiar (Kato, 1994; Azizah Kasim, 1988; Amriah Buang, 2007).

Kajian ini merupakan tinjauan sejarah tentang aktiviti ekonomi dan keusahawanan wanita adat Perpatih di negeri Sembilan pada masa lalu supaya dari pengamatan tersebut dapat dijelaskan keadaan

sehingga masa kini. Kajian sejarah ini menggunakan sumber-sumber sekunder berupa buku dan artikel yang berkaitan dengan pokok kajian ini.

## Wanita dan sistem persawahan di Negeri Sembilan

Mengikut Kato (1994: 148) tradisi bersawah padi pertama sekali dikerjakan di Semenanjung ialah di Kedah pada abad ke-15. Sebagaimana disebutkan "*According to Malay tradition, rice cultivation was first introduced into Kedah and the neighbouring Malay State in north of the Peninsula by the Siamese probably at some time during the 15<sup>th</sup> century*". Bersawah padi di Kedah ini adalah pengaruh daripada bahagian utara dan tenggara Thailand yang masih dikerjakan sehingga masa kontemporari ini. Manakala bersawah padi di Negeri Sembilan disebutkan oleh Hill bahawa koloni orang Minangkabau telah mengembangkan teknik bersawah padi yang baik berbanding orang Sumatera yang lain, sebagaimana disebutkan Kato (1994: 148) yang mengutip tulisan Hill (1977: 27):

*"Nevertheless, by the early sixteenth century several rice-growing traditions may be dimly discerned (in Peninsula Malaysia). The most recent and most skilled was that of the migrant Minangkabau (in Negeri Sembilan), growers of rice in hillside dry fields, in valley-floor fields flooded by water entrapped on the surface, in fields irrigated by water-wheel on the river-terraces"*.

Peneroka asal Minangkabau bukan hanya menanam padi di sawah, mereka juga menanam sagu di kawasan kekal yang basah, di lereng bukit yang lebih rendah ditumpukan kepada kebun, seperti pinang dan kelapa. Di bahagian bawah kaki bukit terdapat ladang yang ditanami dengan padi bukit (padi ladang), tembakau, gula (tebu), kopi, lada dan coklat dan jagung (Hill, 1977:130). Kemudian Hill (1977: 130) menambahkan bahawa sungai telah diempang untuk dibuatkan kolam ikan yang berguna sebagai bekalan hari-hari dan bekalan berterusan. Pendapatan tunai diperoleh daripada jualan kerbau, kambing dan ayam. Hasil pertanian ditambah dengan kutipan hasil hutan termasuk damar, getah, kapur barus, *kayu gharu* (kemenyan hutan) dan rotan yang dieksport memalui jalan raya sungai Kuala Muar melalui Sungai Ujong terus ke Melaka. Fakta ini menjelaskan bahawa setiap keluarga mempunyai pendapatan.

Sejak abad ke-19 telah terdapat bukti bahawa pertanian padi sawah telah berkembang di Negeri Sembilan. Seperti telah dikutip oleh Kato (1994: 145) bahawa William Maxwell seorang pegawai sipil Inggeris di Malaya menulis tentang padi Negeri Sembilan:

*"A purely agriculture life requires that the cultivator be satisfied with poor fare and that this style of living be simple, modest and economical. As satisfying these conditions the Malays of Negri Sembilan are an almost an ideal peasantry(sic). Heir method of (rice) cultivation are excellent, they preserve their ancient habits and traditions and they are satisfied with little."*

Kemudian Kato mengutip juga beberapa penulis lainnya, seperti Martin Lister, MohamadYusoff, Gullick, Swift dan Pelezt (1988) melaporkan bahawa bersawah padi dan kebun getah merupakan sumber pendapatan masyarakat adat perpatih. Penanaman padi sawah telah dikerjakan secara intensif (Norhalim, 1992: 41). Sawah juga merupakan komponen penting yang termasuk dalam harta pusaka. Sejak bersawah padi terdapat banyak ritual yang berkaitan dengan sistem pertanian ini, Di antaranya ialah "pawang", ritual "berpuar" dan "tekachi". Ritual-ritual ini berfungsi melindungi padi dari pelbagai gangguan yang akan merosak padi. Di samping itu terdapat juga permainan "tumbuk kalang , main layang-layang, tangkap belalang dan maling-maling" (Norhalim, 1992: 41).

Terdapat beberapa peringkat pekerjaan dari mula padi ditanam hingga menjadi beras. Wanita mahupun lelaki terlibat dalam pekerjaan ini (Nordin Selat, 1982: 85-91; Norazit Selat, 1992: 21-22). Pekerjaan tersebut ialah:

- a. Pekerjaan "menaikkan air", iaitu setelah padi dituai sawah dibiarkan beberapa lama sehingga kering. Kemudian air dimasukkan melalui tali air yang disebut 'bendar'. Air daripada bandar

biasanya diperoleh dari lubang yang senantiasa berair atau anak sungai. Pekerjaan menaikkan air ini dilakukan oleh lelaki.

- b. Pekerjaan ‘mencangkul’, ialah menjadikan tanah sawah berlumpur. Mencangkul dapat digantikan dengan membajak dengan kerbau atau lembu, sehingga kerja lebih cepat selesai daripada mencangkul. Pekerjaan mencangkul dibuat oleh lelaki dan wanita, manakala membajak dibuat oleh lelaki. Pekerjaan ini biasanya dibuat setelah sembahyang subuh, sampai siang berhenti makan dan sembahyang zuhur dan dilanjutkan hingga petang.
- c. Menyemai, menyediakan benih padi untuk ditanam di tempat persemaian. Benih diambil dari padi yang telah masak kemudian direndam dalam kolam ikan atau bandar sampai tunas keluar. Kawasan penyemaian mesti sudah ada baja, dekat dengan air, terhindar dari tikus dan kerbau atau lembu, biasanya di pagar dengan baik. Penyemaian biasa dibuat oleh wanita, dan dibiarkan selama sebulan, kemudian baru diubah ke sawah. Pekerjaan mengubah ini tergantung pada hari baik, iaitu hari baik yang tergantung kepada masing-masing petani.
- d. Merumput, ialah membersihkan padi dari rumput-rumput yang tumbuh di keliling padi. Biasanya ketika padi berumur 3 bulan. Pekerjaan ini dibuat oleh wanita.
- e. Menuai, ialah memotong padi ketika telah masak dengan alat potong yang dinamakan ‘tuai’. Pekerjaan ini dibuat oleh wanita. Ada juga petani menggunakan sabit, jika petani menggunakan sabit, maka pekerjaan ini dibuat oleh lelaki.
- f. Mengirik, pekerjaan ini dibuat jika padi dipotong dengan “tuai” dan dilakukan oleh wanita. Tujuan mengirik ialah memisahkan padi daripada tangkainya menggunakan kaki. Di Rembau menurut Cik Kiah, padi yang telah di ‘tuai’ kemudian di “lunyah”. Jika lelaki memakai sabit, padi yang disabit kemudian dibanting untuk memisahkan padi dengan tangkainya.
- g. Mengangin, ialah proses memisahkan padi yang bernas dengan yang hampa atau tidak elok. Pekerjaan ini dilakukan oleh wanita dengan menggunakan nyiru, iaitu mengangkat nyiru yang berisi padi dan dijatuhkan ketika ada angin, sehingga padi yang bernas akan jatuh dan padi yang tak elok dihembus angin. Padi yang elok dimasukkan ke dalam kapuk untuk disimpan
- h. Menjemur, ialah bila hendakkan beras padi dijemur terlebih dahulu. Setelah kering padi ditumbuk dengan lesung tangan atau lesung kaki. Kemudian beras ditampi untuk memisahkan beras dengan dedak. Dedak disimpan untuk makanan ayam atau itik. Beras diletakkan dalam tempayan sebelum ditanak dan semua pekerjaan ini dibuat oleh wanita.

Bila dilihat pada pekerjaan pertanian, banyak kerja dibuat oleh wanita daripada lelaki. Di samping itu tenaga anak-anak lelaki dan wanita yang sudah besar ‘boleh diharap’ membantu orang tua mereka. Kaum lelaki pada pagi hari bekerja menoreh getah untuk mencari belanja hari-hari, sehingga dapat menolong wanita di sawah apabila tidak ada kerja menoreh getah (Noordin Selat, 1982: 87). Dapat disebutkan di sini wanita mengambil alih tanggungjawab utama kerja bagi penyelenggaraan dan produktiviti keluaran pertanian (Gullick, 1951:47; Hale, 1898:56), posisi wanita relatif lebih punya kuasa dan meningkat ketika semakin bertambahnya umur (Azizah Kasim, 1992: 9). Wanita juga memegang kuasa dalam penjagaan kanak-kanak, penyediaan makanan dan mengatur nilai sosial yang berkaitan dengan pengeluaran pertanian, aktiviti berpesta pertunangan dan perkahwinan dan upacara pengebumian (Peletz, 1983 & 1987). Manakala lelaki juga menanam pokok buah-buahan, dan penternakan dan mengumpulkan hasil hutan untuk diniagakan untuk memperoleh wang tunai. Hasil ini dikongsikan dengan kedikumpulkan dan diniagakan hasil hutan untuk barangan komersial dan / atau wang tunai. Mereka berkongsi hasil mereka dengan wanita sedarah atau dengan isteri-isteri mereka (Peletz, 1987: 452). Namun pada awal abad ke-20 telah berlaku perubahan, pemerintahan kolonial telah menjadikan ekonomi yang tergantung kepada ekonomi monocropping. Orang Cina yang berfungsi sebagai peniaga perantara, secara kualitatif telah muncul bebezanya daripada masa kolonial. Selain itu, setelah kemerdekaan 1957 telah berlaku kematian institusi tradisional yang berasaskan pertukaran dan saling bantu diri kemudian digantikan oleh tanaman fleksibel serta pengaturan jenis sewa. Lebih lagi setelah kemerdekaan berlaku projek pembasmian hutan, sungai menjadi dangkal kerana banyak lumpur dan tercemar. Air untuk irigasi

pertanian sawah menjadi dangkal dan mempengaruhi luas sawah semakin berkurang, untuk menjadikannya perkebunan getah.

## Polisi penjajah Inggeris tentang pemilikan tanah

Setelah Inggeris berkuasa, pemerintahan Inggeris ikut campur tangan dalam mengatur tanah adat untuk memungut hasil tanah. Pemakaian istilah tanah adat yang menjadi rujukan pada masa ini bermula pada tahun 1909. Rujukan ini berada di bawah undang-undang *Customary Tenure Enactment 1909*, enakmen ini memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah untuk mendaftarkan tanah pesaka yang sedia ada sebagai “*customery land*”, namun tidak menjelaskan takrif ‘tanah adat itu’. Seksyen 2 Customary Tenure Enactment 1926 menjelaskan tanah adat adalah “*as land the title to whic has been marked ‘customary land’*”. Ini meliputi tanah suku atau pesaka nenek moyang dan pesaka tebusan iaitu pemilikan kemudian yang telah diwariskan kepada wanita secara turun temurun. Dari segi perundangan masa ini tanah adat adalah tanah yang diklasifikasikan oleh pentadbiran Inggeris dengan tertulisnya perkataan ‘*customary land*’ pada geran hak milik tanah tersebut. Bagi daerah Rembau tanah ialah tanah tanah yang terdaftar dalam geran lama atau lebih dikenali sebagai “tanah O.T”. Tanah yang didaftarkan sebagai *customary land* pada geran setelah Customary Tenure Enactmen Cap. 215 dikuatkuasakan bagi seluruh adat negeri Sembilan pada tahun 1926. Tanah *customary land* ini saja yang masih kekal ditakbirkan di bawah hukum adat sehingga ke hari ini (Nadzan Haron, 1997).

Pada tahun 1913 timbul pula kategori *Malay Reservation Enactment* atau Tanah Simpanan Melayu, ialah tanah yang dikhaskan untuk orang melayu yang ditulis dengan da’wat merah pada geran tanah tersebut. Berasaskan perkara tersebut, pentadbiran British telah memperkenalkan klasifikasi tanah iaitu, tanah adat, tanah simpanan Melayu, tanah pajakan (*lease hold*) dan tanah geran putih (*free hold*) untuk kemudahan pentadbiran, setiap macam tanah tertakluk pada undang-undang yang berbeza dan setiap geran mendapat status tanah berkenaan. Oleh sebab itu memungkinkan jika seorang ahli adat perpatih mendapat semua kategori tanah berkenaan. Seorang ahli adat mendapatkan memiliki tanah adat yang merupakan tanah kampung, sawah padi dan dusun buah-buahan; tanah Simpanan Melayu yang merupakan kebun getah di kawasan pinggir kampung; tanah geran bebas yang diperolehi di kawasan luar kawasan yang diwartakan Simpanan Melayu atau tanah yang dibeli daripada pegangan bukan melayu; tanah panjakan di kawasan petempatan baru atau kawasan bandar (Nadzan Haron, 1997: 95).

Berasaskan pembahagian tanah di atas, tanah Simpanan Melayu merupakan tanah yang diperuntukkan penanaman getah yang bukan lagi tanah adat dan merupakan milik individu. Tanah ini oleh penduduk Rembau menurut Cik Kiah<sup>1</sup> disebut dengan tanah “pinggiran”. Menurut Cik Kiah tanah ini dibagi oleh kerajaan kepada ayahnya. Tanah tersebut terletak jauh daripada rumah tempat tinggal, sebab itu anak wanita tidak mampu menjaganya. Ayah dan Ibu Cik Kiah memberikan kepada anak lelaki nombor dua, kerana beliau yang mampu mengelola tanah tersebut, oleh kakak lelaki Cik Kiah tanah tersebut ditanami buah-buahan seperti durian dan rambutan. Tanah tersebut nantinya akan menjadi milik saudara lelakinya dan akan diwariskan kepada anak. Pada amnya pemberian tanah ini diperuntukkan untuk lelaki agar ditanami pokok getah.

Lelaki lebih menyukai bekerja pada kebun getah ini dari pada mengerjakan sawah padi. Menurut Nadzan Haron (1997: 145) lelaki tidak begitu berminat membantu wanita bekerja di sawah, terdapat tiga gejala yang menyebabkan lelaki kurang terlibat dalam pertanian bersawah:

- a. *Customary Tenure Enactment*, menetapkan tanah adat hanya boleh dimiliki wanita. Ini melahirkan anggapan bahawa peraturan tersebut bertentangan dengan agama Islam dan dari

---

<sup>1</sup> Cik Kiah ( 54 ) adalah penduduk kampung Batuhampar bersuku Minangkabau, beliau anak ke-5 daripada delapan orang adik-beradik. Masa ini Cik Kiah mendiami rumah pusaka peninggalan orang tua, rumah pusaka tersebut memang diberikan ibu kepadanya, kerana bersendirian setelah cerai dengan suami. Keluarga Cik Kiah yang lain telah mempunyai rumah sendiri. Temu bual di rumah Cik Kiah di Kampung Batuhampar Daerah Rembau Minggu, 30 Jun 2013

padanya timbul anggapan bahawa suami tidak boleh memakan hasil harta isteri. Kemudian lahirlah pembahagian kerja, suami membuat pekerjaan mencari wang sebagai penoreh getah, pencari barang hutan dan berternak. Lelaki dalam daerah adat kebanyakan hanya bekerja sebagai penoreh getah, di mana waktu untuk bekerja tergantung pada cuaca, iaitu pada sebelah pagi sahaja. Pada sebelah petang dan pada keadaan cuaca kurang baik jarang suami membantu isteri mengerjakan pekerjaan di sawah. Sehingga keadaan demikian menimbulkan masalah pada pertanian skim dua musim kerana kurang tenaga kerja.

- b. Penempatan suami setelah berkahwin ialah di rumah ibu si isteri. Corak penempatan seperti ini memberikan kesan negatif terhadap suami dalam bidang ekonomi, iaitu suami kurang bersungguh-sungguh dalam usaha-usaha ekonomi yang ia jalankan ke atas tanah kepunyaan ibu isteri. Hak milik bagi lelaki penting, kerana si pemilik akan bertanggungjawab sekurang-kurangnya ia terpaksa mengerjakan tanah itu dan mendapatkan hasil daripadanya untuk membayar cukai tanah tiap-tiap tahun.
- c. Kedudukan suami dalam adat "seperti abu di atas tunggul". Di mana suami menetap dalam keluarga isteri selagi ia disukai oleh keluarga isteri dan ahli keluarga isteri. Jika terjadi salah faham dengan ahli keluarga isteri, ia akan meninggalkan tempat itu. Ini difahami benar-benar menghalang lelaki untuk bertungkus-lumus dengan isteri dalam mengerjakan sawah.

Pemerintahan Inggeris melihat cara pemerintahan setempat (Negeri Sembilan) yang dicirikan penguasaan dan mewariskan tanah kepada wanita adalah suatu yang ganjil. Bagi mereka hal ini ialah suatu pemutar balik dari pada sistem hubungan gender yang standard dipakai oleh Inggeris berasaskan sistem Victoria.<sup>2</sup> Di samping itu pemerintahan Inggeris ingin memastikan bahawa lelaki berperanan dalam mengembangkan kawasan setempat, dan menganggap bahawa jika lelaki dijamin memiliki tanah atas namanya sendiri, maka mereka akan ikut serta dalam jumlah yang lebih besar dan lebih ghairah dalam kemajuan yang dikenalkan oleh pemerintah. Oleh sebab itu pemerintah Inggeris memperkenalkan tanaman yang boleh dijual di pasar luar negara seperti getah, dan tanaman cepat yang menghasilkan, lelaki Melayu Negeri Sembilan mengambil kesempatan ini (Peletz, 1987: 248).

## **Pertanian dan keusahawanan**

Kesempatan yang digunakan lelaki Melayu Negeri Sembilan tidak membuat mereka menjadi usahawan, sebagai mana yang berlaku di Minangkabau. Lelaki Melayu Negeri Sembilan mengerjakan ini untuk menambah prestij mereka sebagai suami-ayah dalam keluarga, iaitu mereka gunakan untuk naik haji yang akan menaikkan lagi prestij mereka sebagai seorang semenda yang kaya dan berhasil, juga mereka akan diyakini mempunyai ilmu agama yang tinggi (Peletz, 1999; 251-252). Bahkan sebelum abad ke-19 penjualan hasil hutan dan penternakan telah dilakukan demi tujuan ini, dan tahun 1892, Lister melaporkan bahawa penyediaan wang untuk kemewahan selalu diperoleh daripada penjualan buah-buahan, sayur mayur, hasil kebun dan daripada penjualan kerbau, kambing, dan ternak unggas orang mampu menyimpan wang untuk keperluan naik Haji ke Mekah (Peletz, 1999:252). Pada tahun 1830 terdapat barter di district Cembong di Rembau yang terdiri dari 600 buah rumah dan penduduknya melakukan perniagaan kayu, damar dan lilin yang di barter dengan opium, pakaian, perkakas daripada besi dan tembakau (Stevens, 1996: 72). Pada abad ke-19 terdapat komoditi produksi petani skala besar, tetapi petani perkampungan di Rembau tidak langsung terlibat di dalamnya (Stiven, 1996:77).

Adalah menarik bahasan Peletz (1999) mengenai perbandingan keusahawanan pada abad ke-19 antara orang Minangkabau dengan orang Melayu Negeri Sembilan di mana kedua-dua memiliki banyak kesamaan. Secara garis keturunan orang Melayu Negeri Sembilan ialah berasal dari orang Minangkabau yang merantau dan mereka adalah peniaga-peniaga yang berhasil pada mulanya dan sama-sama

---

<sup>2</sup> Sistem Victoria, ialah wanita hanya di rumah, yang bekerja dan pewarisan tanah kepada lelaki, lelaki lah yang bekerja untuk wanita.

mengamalkan garis keturunan pada pihak ibu. Namun daripada segi keusahawanan orang Melayu Negeri Sembilan tidak berkembang berbanding orang Minangkabau yang dapat mengambil peran dalam perniagaan pada taraf lokal, nasional dan luar negara.

Terdapat beberapa alasan yang dikemukakan Pelezt (1999: 261-273), bahawa pengalaman sejarah kedua-dua kawasan tidak sama, Minangkabau berada di bawah kuasa Belanda di Minangkabau dan Negeri Sembilan berada di bawah kuasa Inggeris.

- a. Kebijakan Belanda mendorong penanaman lada telah mendorong orang Minangkabau memasuki ekonomi pasar, Inggeris pun melakukan hal yang sama yang memungkinkan orang Melayu Negeri Sembilan menarik keuntungan yang sama.
- b. Orang Minangkabau telah lama terlibat dalam perlombongan bijih besi dan emas yang memacu mereka melakukan perniagaan dengan peniaga-peniaga dari India dan kemudian berkembang ke Singapura dan Melaka. Di samping itu orang Minangkabau telah memanfaatkan kesempatan untuk pendidikan yang memungkinkan mereka bekerja sebagai kerani kolonial Belanda, yang merupakan posisi sosial baru dan karier moden yang menjanjikan, dengan kata lain orang Minangkabau dapat menyesuaikan diri dengan cepat terhadap keadaan yang berubah. Oleh sebab jumlah penduduk yang relatif banyak, orang Belanda tidak menggalakkan imigrasi orang Cina secara besar-besaran ke Minangkabau. Sementara Inggeris pun melakukan hal yang sama yang memungkinkan orang Melayu Negeri Sembilan mengambil peranan yang sama. Namun pada saat bersamaan Inggeris mendorong imigrasi orang Cina secara besar-besaran, kerana berkaitan dengan keperluan tenaga kerja. Inggeris menganggap “Melayu tidak dapat dipegang”. Kebijakan Inggeris ini didorong secara kuat agar penduduk lokal (Melayu) mempertahankan tanahnya dan agar peribumi tetap peribumi. Alasannya agar orang Melayu tidak terpengaruh oleh Gerakan Paderi di Minangkabau yang berusaha menegakkan kembali Agama Islam dengan menghapus perilaku yang bertentangan dengan Agama Islam. Ketika di Minangkabau berlaku gerakan pemurnian Islam pada awal abad ke-20, Inggeris dengan cepat menghentikan pengembangan tradisi keusahawanan, dengan melibatkan orang Cina pada masa itu 31% dalam perniagaan sebagai peniaga perantara, sehingga memotong kesempatan orang Melayu Negeri Sembilan untuk berkembang ke arah itu.
- c. Kebijakan Inggeris memotong peranan suku dan garis keturunan di Negeri Sembilan jauh lebih besar berbanding kebijakan Belanda di Minangkabau. Negeri Sembilan pada masa kontemporari berbeza dengan Minangkabau kontemporari dalam pengelompokan suku dan tempat kediaman. Pengelompokan keluarga telah terpecah-pecah, identiti kelompok kurang nyata. Di Negeri Sembilan tidak ditemukan lagi kelompok bersama dalam bentuk keluarga yang terdiri daripada anak-anak dan cucu-cucu dari seorang wanita dalam satu rumah. Kegiatan ekonomi oleh lelaki bukan ditujukan untuk kemajuan kelompok keluarga, malahan hanya untuk individu. Sehingga setelah kemerdekaan banyak berlaku gugatan ke atas tanah pusaka yang hanya diturunkan kepada wanita. Banyak yang menyatakan bahawa sistem adat Perpatih tidak lagi sesuai dengan ajaran Agama Islam dan Adat Perpatih sudah kuno tidak dapat dipakai lagi Nadzan Haron (1997:153 ). Bahkan daripada kalangan UMNO dan pentadbiran tidak menyokong kewujudan tanah pusaka ini. Berbeza dengan orang Minangkabau, mereka masih mendukung keluarga nasab ibu dan masih hidup dalam kelompok-kelompok keluarga. Walaupun berlaku perubahan dalam pembentukan keluarga yang terdiri daripada ayah, ibu dan anak, di mana ayah sudah bertanggungjawab kepada keluarga, namun sokongan kepada kerabat nasab ibu tidak berubah. Tanggungjawab kepada kedua-dua keluarga, baik isteri mahupun keluarga ia sendiri memacu mereka untuk kumulatif modal dan bersaing dalam ekonomi.
- d. Orang Melayu Negeri Sembilan tidak dihadapkan pada pelbagai tuntutan dan harapan akan keberhasilan seorang lelaki dalam ekonomi, tuntutan yang ada kurang keras terhadap tenaga kerja dan produktiviti, sehingga mereka sudah merasa cukup ketika mereka memenuhi harapan-harapan sebagai suami dan ayah dalam keluarga. Mereka pun tidak memanfaatkan banyak masa untuk mengincar sasaran yang empuk, yang akan mendatangkan nilai ekonomi kepada mereka. Hal ini berbeza dengan lelaki dan wanita Minangkabau yang dapat memanfaatkan peluang

ekonomi, pendidikan dan karier mereka tanpa meninggalkan keluarga besar dan keluarga kecil mereka.

- e. Institusi budaya Masjid dan Surau telah lama efektif mencipta lelaki yang kuat dan punya daya juang untuk menghadapi dunia rantau demi memajukan kehidupan keluarga nasab ibu mereka. Penduduk Minangkabau hanya 3 % daripada jumlah penduduk Indonesia, berhasil membesar sebagai elit politik, ekonomi dan pendidikan berbanding suku-suku lain di Indonesia (Graves, 1981:19). Mereka tidak perlu memikir ulang persoalan agama dengan adat, dan mereka berhasil membuat identiti mereka menonjol sebagai sesuatu yang khas, unik dan berbeza daripada yang lain. Manakala orang Melayu Negeri Sembilan tidak menunjukkan gejala yang sama sebagai minoriti atau kelompok ekonomi minoriti. Mereka membauri dan tenggelam ke dalam etnik Melayu yang dominan, yang tidak dapat menandingi Cina dalam ekonomi. Secara lokal dan regional identiti budaya muncul lebih nyata di Minangkabau daripada di Negeri Sembilan.

Sebenarnya sejak Indonesia merdeka (1945) orang Minangkabau tidaklah berhenti datang ke Malaysia, apalagi setelah peristiwa PRRI 1970-an dan 1980-an, banyak petualang-petualang muda mencuba peruntungan sebagai peniaga. Kedatangan mereka bukan lagi untuk meneroka, tetapi untuk alasan ekonomi. Kecenderungan mereka tinggal di bandar-bandar yang memungkinkan mereka bergerak dalam mobiliti yang tinggi (Pelly, 1994: 279). Menurut Peletz (1999) orang Melayu Negeri Sembilan memandang dirinya secara budaya sama dan mereka merasa berhutang budi kepada orang Minangkabau, tetapi mereka juga memiliki rasa iri dan ‘permusuhan’ kepada mereka. Mereka mengatakan bahawa “orang Minangkabau hanya perlu goyang-goyang kaki<sup>3</sup> dan jauh lebih berbahaya dari pada rekan-rekan Melayu mereka, yang berbakat istimewa untuk memasukkan gas beracun ke botol-botol *orange crush*, yang diperuntukkan bagi penjualan luar negeri”. Namun orang Cina menyebut orang Minangkabau sebagai “Cina Indonesia”.

Orang Melayu Negeri Sembilan pada tahun 1970-an masih menjalani kehidupan bersawah padi. Pada masa ini sawah masih terdapat 87 %, 1985 berkurang 57 %, 16 % pada tahun 1980 dan 7 % sampai tahun 1990 (Kato, 1994: 146). Berasaskan pekerjaan pada tahun 1980-an penduduk Melayu Rembau, masih bekerja sebagai penanam padi sebanyak 34.0%, penoreh getah 31.7% (Mohd Hafiah Piei, 1994 : 247). Namun setelah tahun 1990-an tanah sawah sudah banyak yang terbiar. Orang muda Negeri Sembilan tidak lagi tertarik untuk mengerjakan sawah, dan mengusahakan kebun karet mereka. Di samping itu telah berlaku migrasi orang muda ke luar Negeri Sembilan untuk bersekolah dan kerja makan gaji. Kerja makan gaji lebih disukai daripada kerja-kerja pertanian.

Sebenarnya pada tahun 1970, pemerintahan Malaysia mula menjalankan kebijakan Ekonomi Baru (*New Economic Policy*) dengan dua tujuan iaitu menyusun semula masyarakat Malaysia dan mengurangi kemiskinan tanpa mengira ras. Perkara ini telah mendorong masyarakat pedesaan meninggalkan kampung dan menuju ke bandar-bandar. Mobiliti mereka dimudahkan oleh tersedianya alat angkutan peribadi dan angkutan awam. Sehingga pada tahun-tahun 1970-an tersebut penduduk kampung sudah dapat memilih dan terlibat dalam bermacam-macam-bidang ekonomi dan pendidikan. Menurut Abdul Samad Hadi (1982: 4) memang ada peningkatan dalam jumlah penduduk luar bandar yang tertarik berdiam secara semi permanen di bandar dan ke penempatan-penempatan secara kekal di felda-felda. Bagi mereka yang berdiam secara semi permanen di bandar, banyak daripada mereka yang pulang ke tempat asal setelah persaraan. Berulang alik dari kampung ke bandar biasanya dilakukan pada penghujung minggu, tidur dua malam di kampung, minggu malam mereka kembali ke bandar. Pusingan seperti ini memberikan erti penting, bahawa di bandar mereka berkerja memperoleh penghasilan, dan dengan balik kampung mereka dapat menjaga rumah dan keluarga. Ini yang dianjurkan oleh cara merantau orang Minangkabau.

---

<sup>3</sup> Ketika ditanya dalam temu bual dengan peniaga lelaki Minangkabau yang datang sekitar tahun 1970-an “goyang-goyang kaki” ertinya ialah menjahit pakaian dengan mesin jahit yang digerakkan dengan kaki. Secara purata lelaki yang datang pandai menjahit, pada mulanya banyak di antara mereka bekerja sebagai penjahit baju dan kopiah pada kawan-kawan asal Minangkabau yang telah lebih dahulu tiba di Malaysia, dan pada amnya mereka sudah menjelajahi seluruh Malaysia dan Singapura. Mereka datang dalam umur 20-an.



Wang yang mereka peroleh dari bandar dikirim atau dibawa kembali ke kampung (*remittances*). Jumlah wang yang mereka bawa tidak tentu, kembalinya ke bandar mereka membawa buah-buahan jika pada musim buah.

Kato (1992: 49) menyebutkan bahawa setelah adanya dasar ekonomi baru pada tahun 1971 banyak terdapat perubahan ekonomi pada masyarakat Negeri Sembilan. Banyak orang pergi merantau dan penanaman getah maju, sehingga boleh disebutkan bahawa dasar ekonomi kampung di Negeri Sembilan bukan lagi sawah sama sekali. Sekurang-kurangnya terdapat tiga alasan yang menyebabkan perkara ini berlaku:

- a. Pencen dan pemerintah. Orang pencen banyak yang tinggal di kampung-kampung. Wang pencen tidak begitu banyak, mereka tidak punya kemampuan tinggal di bandar. Namun jika mereka tinggal di kampung, mereka dapat hidup mewah, boleh pakai kereta, dapat telefon dan sebagainya. Makanya di kampung-kampung banyak tinggal orang-orang pencen.
- b. Yang penting di kampung dapat kiriman wang dari rantau. Pada amnya orang tua-tua yang tinggal di kampung mendapat kiriman wang daripada anak-anak yang tinggal di bandar-bandar.
- c. Hasil getah. Untuk apa tujuan bersawah, bukankah getah sudah dapat menggantikan, masa ini (1992) di seluruh Negeri Sembilan sawah yang diusahakan tinggal 3 %, 97 % -nya sudah menjadi belukar atau terbiar (Kato1992: 50).

Institusi merantau di Negeri Sembilan tidak ada kaitannya dengan lembaga 'surau' seperti yang berlaku di Minangkabau. Hilangnya lembaga surau sebagai lembaga pendidikan tidak membentuk karakter tidak wujud dalam pembentukan budaya masyarakat Negeri Sembilan. Di kampung BatuhamparRembau misalnya, anak-anak mengaji di surau hanya diajar oleh seorang Cik Gu mengaji iaitu Hajah Mariam Bt. Rahmat (85), namun sudah 7 tahun ia tidak dapat mengajar kerana sudah terlalu tua untuk pergi ke surau dan pengganti beliau tidak ada, sehingga di surau tidak ada anak-anak yang mengaji Al Qur'an lagi.

Pendidikan dan pekerjaan menjadi alasan lelaki Negeri Sembilan pergi merantau, terutama sebagai polisi dan tentera. Pada tahun 1920-1930 lebih kurang 100 orang lelaki Melayu menerima pendidikan pada taraf medium dari pemerintahan Inggeris. Jumlah tersebut meningkat selama tahun 1930-an, tetapi hanya 1% anak-anak yang bersekolah di sekolah kepunyaan Inggeris di Seremban dan Tampin selama dekad tersebut (Stiven, 1996:83).

Sejak semakin banyaknya pemuda baik lelaki dan wanita bekerja atau memperoleh pendidikan di bandar, tanah-tanah di kampung semakin terbiar. Hanya orang muda yang tidak mendapat kerja makan gaji yang hanya mahu mengerjakan kerja pertanian (Azizah Kasim, 1990:144), sehingga tanah terbiar semakin teruk berbanding kawasan lain di luar Negeri Sembilan. Azizah Kasim (1990: 145) menyalahkan sistem Adat Perpatih yang bersifat nasab ibu di mana wanita mewarisi harta pusaka dan bertempat tinggal matrilokal sebagai salah satu penyebab pembangunan pertanian dan pembangunan tidak berjalan lancar di Negeri Sembilan. Azizah Kasim menyebutkan, "Tegasnya, di Negeri Sembilan, dengan adanya Adat Perpatih, maka faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pertanian dan tanah terbiar lebih banyak lagi dari yang terdapat di negeri-negeri lain di Semenanjung. Mungkin inilah sebab kenapa masalah tanah terbiar (khususnya tanah sawah) lebih teruk di negeri ini" (Azizah Kasim, 1990: 145). Alasan Azizah Kasim menyalahkan Adat Perpatih tidaklah tepat, kerana hal ini tidak berlaku di tempat asal budaya ini di Minangkabau, sampai hari ini bersawah padi masih kekal dan mungkin tidak akan hilang di Minangkabau, di samping itu sejak tahun 2001 sistem pemerintahan *nagari* sudah berfungsi kembali. Seandainya adat mahu dipersalahkan mungkin bersawah padi orang Minangkabau telah lebih dahulu hilang, kerana pola merantau, semangat kemajuan, pendidikan jauh lebih dahulu diamalkan daripada di Negeri Sembilan (Schrijvers & Coster, 1977: 89-92).

Pendapat seperti ini diberi bantahan oleh Norhalim (1990: 152) bahawa punca tanah terbiar bukanlah pada Adat Perpatih, namun pada pengamalan adat itu sendiri yang telah berkurang. Norhalim menyebutkan:

"Adat sendiri telah mendasarkan cara kegiatan ekonomi harus dijalankan, tetapi malangnya, sebab keghairahan pengamalannya menerima nilai-nilai baru (Barat?) membuatkan mereka lupa

akan tradisi nilai adatnya. Bagi saya dalam masyarakat Negeri Sembilan, punca Tanah Pusaka terbiar kerana adatnya terbiar. Masyarakat Adat Negeri Sembilan tidak lagi mengenali adatnya. Apabila falsafah dan nilai adatnya telah terbiar maka segala yang berkaitan dengan hidupnya menjadi terbiar – Tanah pusaka terbiar, rumah terbiar, ternak terbiar dan lebih sedih lagi anak-anak pun terbiar” (Norhalim, 1990: 152).

Wanita pun terbiar, kerana bersawah padi tidak dikerjakan lagi, wanita di kampung-kampung tidak mempunyai punca penghasilan yang pada asasnya bersumber daripada hasil pertanian bersawah padi. Wanita selama bersawah padi mempunyai autonomi dalam ekonomi rumah tangga kerana tidak bergantung ke mana-mana pihak (Azizah Kasim, 1988; 1992; Norhalim, 1990; Stiven, 1996), mana kala pada masa ini autonomi wanita telah berkurang. Wanita yang di kampung sangat tergantung kepada *remittance* atau kiriman daripada anak-anak di bandar untuk kos hidup mereka hari-hari.

## Kesimpulan

Banyak perkara yang membuat kedudukan wanita menjadi tergugat di Negeri Sembilan terutama dalam ekonomi. Dalam sistem nasab ibu, sistem bersawah padi, pewarisan harta kepada pihak wanita adalah asas daripada sistem ini. Di Negeri Sembilan sawah sukar di lihat pada masa ini, kerana banyak telah menjadi tanah terbiar. Tanah adat sendiri terhad kerana tidak ada penambahan disebabkan undang-undang tanah Inggeris yang membatasi dan masih di pakai pada masa ini. Pemodenan yang berlaku sejak pemerintahan Inggeris sehingga pemerintahan Mahathir yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara Industri maju, menyebabkan banyak berlaku imigrasi ke bandar baik untuk pendidikan mahupun untuk bekerja. Akibatnya banyak rumah-rumah telah kosong atau didiami oleh kaum wanita yang telah tua yang menunggu wang kiriman daripada anak-anak mereka. Keluarga baru pula tidak lagi membuat rumah di tanah kampung atau di tanah adat mereka, mereka lebih menyukai tinggal di taman-taman kerana lebih ramai dari pada di kampung. Di samping itu kampung semakin menakutkan kerana ular, babi dan kera sudah mulai mengganggu keselamatan orang yang tinggal di kampung-kampung (kasus Rembau). Akan kah kampung-kampung semakin terbiar, mungkin kerajaan Negeri Sembilan sudah semestinya memperhatikan dan meninjau ulang kebijakan pemerintah dalam menata kembali pembangunan dan masyarakat Negeri Sembilan.

## Rujukan

- Abdul Samad Hadi (1982) *Circular Migration and the Transfer of Wealth from Town to Village: A Discussion based on a village study in Negeri Sembilan, Paninsula Malaysia*. Paper. UKM and Unesco.
- Amriah Buang (2007) *Pertanian Kecil Melayu dan Kelestariannya*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Andaya LY (2010) *Leaves of the Same Tree*. NUS Press, Singapore.
- Azizah Kasim (1988) *Land and Gender Relation in Negeri Sembilan: Some Preliminary Findings*. *Southeast Asian Studies* 26 (2).
- Azizah Kasim (1992) *Women in Adat Perpatih Society*. In: Nellie SL, Tan Wong, Vipil Patel (eds) *Adat Perpatih*. Wintract (WWB/Malaysia) Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Azizah Kasim (1990) *Adat Perpatih, tanah dan Pembangunan Pertanian di Negeri Sembilan*. In: Norazit Selat (ed) *Negeri Sembilan Dulu dan Sekarang*. United Selangor Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Azizah Kasim (1992) *Women in the nasab ibu Adat Perpatih society in Malaysia: Continuity and change*. *Indonesia Circle*, 57.

- Blacwood E (1998) Tombois in West Sumatra: Constructing masculinity and erotic desire. *Journal, Cultural Anthropology* 13 (4), 491-521. Blackwell Publishing on behalf of the American Anthropological
- Cunningham JB, Lischeron J (1991) Defining Entrepreneurship. *Journal of Small Business Management* 29 (1), 45-61.
- Elfindri, Desri Ayunda, Wiko Saputra (2010) *Minang Entrepreneurship, Filosofi dan Rahsia Sukses Etnis Minang Membangun Karakter Kewirausahaan*. Baduose Media, Jakarta.
- Hery Heryanto (2011) The Overview of Cultural Background of Minangkabau and Chinese Customers in Padang, West Sumatra. *International Journal of Lean Thinking* 2 (1), June.
- Hill RD (1977) *Rice in Malaya: A study in historical geography*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Garfield C (1986) *Peak Performers: The New Heroes of American Business*. Avon Books, New York.
- Gullick JM (1951) The Negeri Sembilan economy of the 1890's. *Journal of the Royal Asiatic Society, Malayan Branch* 24, 38-55
- Kato T (1992) Perubahan sosial Minangkabau dalam perspektif perbandingan. In: Mestika Zed, Alfian Miko, Emeraldi Chatra (eds) *Perubahan Sosial di Minangkabau, Implikasi Kelembagaan dalam Pembangunan Sumatera Barat*. Pusat Studi Pembangunan dan Perubahan Budaya, Universitas Andalas Padang, Padang.
- Kato T (1994) The emergence of paddy field in Negeri Sembilan, Malaysia. *Southeast Asian Studies* 32 (2), 145-172.
- Mohammad Hafilah Piei (1994) Profailsosio-ekonomi masyarakat Melayu Rembau: Satu Perbincangan dari segi Adat Perpatih. In: A Samad Idris et al (eds) *Adat Perpatih Merentas Zaman*. Malindo Press, Seremban.
- Nadzan Haron. Tanpa Tahun. Isu tanah dalam adat Perpatih dan cadangan penyelesaiannya. Lembaga Muzium Negeri Sembilan. *Adat Perpatih; Keunggulan Meretas Zaman, himpunan aspek-aspek Adat Perpatih diuca pakai*. Siri 1.
- Nadzan Haron (1997) *Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1809-1960*. Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya, Muzium Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, Syah Alam.
- Nellie SL, Tan Wong, Vipin Patel (1992) Adat Perpatih - Nasab ibu system based on humanity and simplicity. In: Nellie SL, Tan Wong, Vipil Patel (eds) *Adat Perpatih*. Wintract (WWB/Malaysia) Sdn Bhd., Kuala Lumpur.
- Norazit Selat (1992) Economic structure and property inheritance of Adat Perpatih. In: Nellie SL, Tan Wong, Vipil Patel (eds) *Adat Perpatih*. Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn Bhd., Kuala Lumpur.
- Nordin Selat (1976) *Sistem Sosial Adat Perpetih*. Utusan Publications & Distributions, Kuala Lumpur.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1992) The vanishing culture of Adat Perpatih. In: Nellie SL, Tan Wong, Vipil Patel (eds) *Adat Perpatih*. Wintract (WWB/Malaysia) Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1990) Tanah adat terbiar pada zaman pembangunan. In: Norazit Selat (eds) *Negeri Sembilan Dulu dan Sekarang*. United Selangor Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Peletz MG (1981) Social history and evolution in the interrelationship of adat and Islam in Rembau Negeri Sembilan. *Research Notes and Discussion Paper No 27*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Peletz MG (1987) The Exchange of Men in 19th-Century Negeri Sembilan (Malaya). *American Ethnologist* 14 (3), 449-469.
- Peletz MG (1999) "Transformasi besar" di kalangan orang Melayu Negeri Sembilan, dengan referensi khusus pada orang Cina dan Minangkabau. In: Robert W Hefner (ed) *Budaya Pasar, Masyarakat dan Moralitas dalam Kapitalisme Asia Baru*. Terjemahan. LP3ES, Jakarta.
- Pelly U (1994) *Urbanisasi dan Adaptasi, Peranan Budaya dan Misi Budaya Minangkabau dan Mandailing*. LP3ES, Jakarta.
- Peterson R (1985) Raising Risk Takers. *Metropolitan Toronto Business Journal* 75, 30-34.
- Renen Joke van (1996) *Central Pillars of the House*. Leiden University, Netherlands.
- Tarmidi LT (1997) Strategies for HRM of SMEs in Indonesia. Paper. APEC Humane Resource Development Working Group October 1999.

- Schrijvers J, Els Postel-Coster (1977) Minangkabau women: Change in a nasab ibu society. *Archipel* **13**, 79-103.
- Stiven M (1996) *Matrilini and Modernity, Sexual Politics And Social Change In Rural Malaysia*. Allen & Unwin, NSW.
- Syarif S (2004) Characteristics of small-scale enterprises in West Sumatra. *Asian Academy of Management Journal* **9** (2), 87–95.